



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## PROGRAM PELAKSANAAN KEBAJIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN 2019

### INISIATIF MENSEJAHTERAKAN KOMUNITI KUALA LUMPUR

**KUALA LUMPUR, 10 Februari 2019** – Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Khalid Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan di Padang Awam Seri Johor hari ini. Program yang diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2019 ini merupakan *signature* program yang paling mendapat kerjasama dan penglibatan yang tinggi daripada masyarakat setempat. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun ini memperkenalkan tema baharu iaitu “Sayangi Wilayahku” dengan berasaskan semangat integrasi nasional dan kesejahteraan bagi memperkasakan perpaduan kepelbagaian lapisan masyarakat.

Sebanyak 21 program telah dirangka sepanjang bulan Februari ini melibatkan semua golongan yang merangkumi Kluster Pengiktirafan, Kluster Mesra Rakyat, Kluster Sukan Dan Rekreasi, Kluster Ilmiah Dan Kerohanian dan Kluster Inisiatif Mensejahterakan Rakyat. Pelaksanaan Program Kebajikan Wilayah Persekutuan 2019 adalah melibatkan Program Jati Diri, Gelandangan, Program Kesejahteraan Wilayah, Program Ekonomi, Bas GoKL, Program Van Wilayah, “Mobile Clinic”, Bantuan Peralatan Kesihatan dan Program Bakat OKU.

Kementerian Wilayah Persekutuan telah melancarkan dasar dan hala tuju yang baru melalui slogan “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi” yang menggambarkan usaha warga Wilayah Persekutuan dalam membentuk suasana peduli, sihat dan selamat dan memfokuskan enam paksi utama iaitu bandar raya yang bersih, keselamatan awam,

pengangkutan awam yang cekap, dasar sosioekonomi mapan, persekitaran hijau serta komuniti inklusif

Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pelbagai inisiatif telah dilaksanakan Majlis Mesyuarat Menteri seperti penilitian semula 97 projek tumpuan, penwartaan semula Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020 dan pembangunan Kampung Baru kearah bandar raya hijau dan mampan yang bertaraf dunia. Bandaraya Kuala Lumpur telah diberi pengiktirafan Ibu Kota Buku Dunia 2020 oleh (UNESCO) berdasarkan komitmen tinggi kepada aktiviti perbukuan, ke-susasteraan, kesenian dan gerakan membaca.

“Projek River Of Life” yang berjajaran sepanjang 110 kilometer dilihat telah mengubah kualiti air dari kelas 5 kepada kelas 2 dan melalui tiga komponen utama pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah. Penambahbaikan bagi laluan perkhidmatan bas percuma “Go KL DBKL” juga akan di ambil terutamanya bagi kawasan perumahan awam yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

Pelan penyediaan kemudahan perumahan bagi golongan pertengahan melalui projek Residensi Wilayah dengan sasaran 55 ribu unit telah dirangka untuk dibina di Kuala Lumpur dengan berkeluasan 900 kaki persegi dengan kepadatan penduduk 800 setiap ekar harga tidak melebihi RM 300 ribu seunit. DBKL juga melaksanakan pembinaan ‘Micro Housing’ golongan bujang B40 yang bekerja melibatkan kos berjumlah RM 10 juta dan kadar sewa sekitar RM 100 sebulan.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
10 Februari 2019**